UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

# ACW 251 – Pengauditan
# AAW 314 – Pengauditan 1

Masa : 3 jam

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

...2/-

Soalan 1 (34 markah)

Encik Tony adalah rakan kongsi yang ditugaskan mengaudit Syarikat Berjawa Kawat yang telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Syarikat ini telah diaudit oleh Encik Tony selama 12 tahun. Berjawa Kawat mempunyai keuntungan yang boleh dibanggakan di dalam dekad yang lepas. Sebahagian besar daripadanya adalah disebabkan oleh Encik Md Noor dan pegawai eksekutif kompeten yang lain. Encik Tony mempunyai hubungan yang rapat dengan Syarikat Berjawa Kawat dan di sepanjang tempoh pengauditan yang dijalankanya, telah berjaya memberikan cadangan yang membina yang dapat membantu syarikat mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Beberapa kali di tahun yang lepas, firma audit Encik Tony telah mengajukan cadangan untuk menukarkan pasukan audit berlainan yang dihantar mengaudit Syarikat Berjaya Kawat. Walaubagaimanapun, cadangan ini telah ditolak oleh Encik Tony dan syarikat tersebut.

Pada beberapa tahun pertama pengauditan, sistem kawalan mempunyai beberapa kelemahan dan kakitangan perakaunan tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi untuk menjalankan tugasnya. Pada masa itu, banyak bukti audit telah dikumpulkan dan juruaudit terpaksa menyediakan catatan pelarasan akhir tahun yang banyak.

Walaubagaimanapun, oleh kerana cadangan untuk memperbaiki kelemahan syarikat yang dikemukakan oleh Encik Tony telah dilaksanakan oleh syarikat, sistem kawalan syarikat menjadi semakin baik. Tambahan pula, syarikat juga telah mengambil kakitangan perakaunan yang lebih kompeten untuk bekerja dengannya. Ditahun–tahun kebelakangan ini, catatan pelarasan akhir tahun berkurangan dan jumlah bukti audit yang dikumpul juga turut berkurangan. Pada dua tahun kebelakangan ini, Encik Tony berupaya menjalankan pengauditan di dalam masa yang lebih singkat oleh kerana ia telah memahami sistem kawalan dalaman syarikat dengan baik dan telah memperolehi kerjasama dari syarikat tanpa masalah.

Di dalam fail audit semasa, Encik Tony telah membuat keputusan untuk mengekalkan masa yang diagihkan untuk menjalankan pengauditan sama seperti tahun tahun lepas. Puan Sara, iaitu juruaudit kanan ("audit senior") yang mengetuai pasukan audit, baru sahaja mengambil alih tugas ini. Beliau adalah seorang yang kompeten dan mempunyai reputasi berupaya menjalankan pengauditan dengan cepat dan dengan ini pengauditan yang dilakukannya selalunya mengambil masa yang singkat.

Pada tahun ini, Syarikat Berjawa Kawat baru sahaja mengambil alih sebuah syarikat baru dan fakta ini mungkin memerlukan penambahan masa pengauditan. Tetapi, oleh kerana kecekapan Puan Sara, Encik Tony beranggapan masalah penambahan masa mungkin boleh diatasi.

Ujian kawalan interim mengambil masa agak lama pada tahun ini. Ini disebabkan penggunaan beberapa pembantu audit ("audit juniors") baru, sistem pengkomputeran inventori yang baru dilaksanakan pada tahun ini, pertukaran di dalam kakitangan perakaunan dan disebabkan beberapa kesilapan telah dijumpai semasa menguji sistem

...3/-

kawalan dalaman. Encik Tony dan Puan Sara tidak khuatir dengan penambahan masa ini kerana ia boleh diatasi dengan mengurangkan masa pengauditan ujian lain.

Pada akhir tahun, Puan Sara telah memberikan tugas mengaudit inventori kepada pembantu audit yang belum pernah mengaudit syarikat tersebut. Pembantu audit adalah seorang yang cekap dan yang dipercayai boleh menjalankan pengauditan hampir sama cepat dengannya. Walaupun jumlah nilai inventori bertambah pada tahun ini, pembantu audit tersebut telah mengurangkan ukuran sampel jika dibandingkan dengan tahun-tahun lepas, kerana bilangan kesilapan yang dijumpai pada tahun lepas tidak banyak.

Pembantu audit tersebut telah menjumpai beberapa butiran di dalam sampel yang telah terlebih dinilaikan. Ini adalah disebabkan kesilapan di dalam perletakan harga dan oleh kerana faktor keusangan. Walaubagaimanapun, kombinasi kesemua kesilapan di dalam sampel ini adalah tidak matan. Kesemua tugas ini telah berjaya dilaksanakan di dalam masa 25 peratus lebih rendah daripada masa audit tahun lepas.

Keseluruhan pengauditan berjaya disiapkan di dalam masa yang telah ditetapkan. Ada beberapa catatan pelarasan yang disediakan, tetapi hanya dua sahaja yang matan. Encik Tony amat berpuas hati dengan pengauditan yang dijalankan dan menulis sepucuk surat khas yang ditujukan kepada Puan Sara dan pasukan auditnya. Diantara lain, surat tersebut memuji mereka di atas kecekapan mereka menjalankan pengauditan kerana walaupun beberapa perkara baru harus diambil kira oleh mereka di dalam pengauditan tahun ini, Puan Sara dan pasukannya masih berjaya menyiapkan tugas mereka di dalam masa yang ditetapkan.

Enam bulan kemudian, Encik Tony menerima panggilan telefon daripada Syarikat Berjaya Kawat yang telah memaklumkan kepadanya bahawa syarikat sedang menghadapi masalah kewangan yang serius. Penyiasatan selanjutnya menunjukkan bahawa nilai inventori telah terlebih dinyatakan. Sebab utama salah nyata ini adalah kerana beberapa butiran di dalam inventori yang telah didapati usang, kesilapan di dalam perletakan harga oleh kerana sistem pengkomputeran baru dan inventori yang tidak wujud tetapi telah disenaraikan di dalam senarai inventori. Selepas penyiasatan dijalankan, didapati akauntan Syarikat Berjaya Kawat telah dengan sengaja menilaikan inventorinya pada nilai yang lebih tinggi untuk mengatasi kekurangan di dalam volum jualan pada tahun yang lepas.

<u>Dikehendaki:</u>

i) Jelaskan dengan ringkas jawatan serta tugas kakitangan di firma audit yang terlibat secara langsung dalam pengauditan.

[ 2 markah ]

ii) Jelaskan mengapa belanjawan masa atau masa yang dianggarkan diambil untuk menjalankan pengauditan penting kepada sesuatu pengauditan.

(2 markah)

iii) Gariskan kelemahan utama pengauditan Puan Sara dan pasukan auditnya.

[ 6 markah ]

iv) Nyatakan perkara-perkara yang sepatutnya diberi perhatian yang lebih oleh Encik Tony?

[ 8 markah ]

v) Gariskan satu program audit inventori. Daripada tatacara audit yang telah disenaraikan, nyatakan yang mana satu yang memungkinkan pertemuan setiap satu kesilapan yang telah anda nyatakan. Di dalam program audit tersebut, anda hendaklah menyatakan tatacara audit dan objektif audit baki.

[ 8 markah ]

vi) Apakah yang dimaksudkan dengan "matan" mengikut ISA 320 ? Bagaimanakah juruaudit menentukan sama ada sesuatu kesilapan itu matan atau tidak? Apakah tindakan juruaudit jika mendapati sesuatu kesilapan itu matan?

[ 8 markah ]

Soalan 2 (20 markah)

Pengiraan inventori fisikal Syarikat Perkilangan Anatano Sdn. Bhd. telah dijalankan pada 30 Disember 2000 dan bukan pada 31 Disember. Ini adalah kerana syarikat pelanggan perlu menyiapkan pesanan khas pada 31 Disember, iaitu tarikh akhir tempoh perakaunan. Semasa menjalankan pengiraan fisikal, anda mendapati pembelian yang diwakili oleh laporan penerimaan bernombor 2751 dan laporan penerimaan terdahulu daripadanya telah dimasukkan ke dalam pengiraan fisikal, sementara laporan penerimaan yang selepasnya tidak dimasukkan.

Pada petang 31 Disember 2000, anda telah mendapati bahawa inventori yang diwakili oleh laporan penerimaan bernombor 2752 sehingga 2754 telah diterima selepas pengiraan fisikal inventori, tetapi sebelum tamat tempoh perakaunan. Anda juga mendapati inventori akhir yang dinyatakan di dalam penyata kewangan hanyalah mengandungi butiran yang dimasukkan di dalam pengiraan fisikal. Sebagai salah satu langkah pengauditan akaun belum bayar, anda telah meminta jadual pengiraan fisikal inventori daripada pelanggan. Jadual ini akan dapat menentukan sama ada tatacara penggalan ("cut-off procedures") adalah dilaksanakan dengan betul. Jadual tersebut mengandungi maklumat berikut:

...5/-

| Nombor laporan penerimaan | Jumlah di invois pembekal | Jumlah yang dimasukkan atau tidak dimasukkan ke dalam akaun belum bayar | Maklumat di invois pembekal | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Tarikh invois | Tarikh penghantaran | "Free on Board(FOB)" Penghantaran atau "Free on Board (FOB)" Destinasi |
| 2751 | RM2313.25 | Dimasukkan | 30.12.2000 | 30.12.2000 | Penghantaran |
| 2752 | RM2520.10 | Tidak dimasukkan | 26.12.2000 | 15.12.2000 | Destinasi |
| 2753 | RM3500.15 | Dimasukkan | 31.12.2000 | 26.12.2000 | Penghantaran |
| 2754 | RM5514.00 | Tidak dimasukkan | 16.12.2000 | 27.12.2000 | Destinasi |
| 2755 | RM1235.15 | Dimasukkan | 28.12.2000 | 31.12.2000 | Penghantaran |
| 2756 | RM8517.20 | Tidak dimasukkan | 03.01.2001 | 31.12.2000 | Destinasi |
| 2757 | RM3245.50 | Tidak dimasukkan | 05.01.2001 | 26.12.2000 | Penghantaran |
| 2758 | RM2221.70 | Tidak dimasukkan | 31.12.2000 | 03.01.2001 | Penghantaran |

<u>Dikehendaki:</u>

i) Apakah yang dimaksudkan dengan "FOB penghantaran" dan "FOB destinasi"?

[ 3 markah ]

ii) Jelaskan perhubungan di antara inventori dan tatacara penggalan akaun belum bayar.

[ 5 markah ]

iii) Bagi setiap laporan penerimaan, nyatakan kesilapan di dalam inventori atau akaun belum bayar, jika ada.

[ 5 markah ]

iv) Sediakan catatan pelarasan untuk membetulkan penyata kewangan jika kesilapan berlaku.

[ 4 markah ]

v) Jika wujud kesilapan, jelaskan kesilapan yang mana yang penting sekali.

[ 3 markah ]

Soalan 3 (20 markah)

Tiga perkara yang memerlukan pertimbangan juruaudit telah dijumpai semasa pengauditan di jalankan ke atas Syarikat Senibina Tradisional Bhd. yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir pada 31 Mac 2000,

(a) Sebahagian daripada maklumat dan rekod mengenai jumlah kos buruh langsung yang digunakan di dalam pembinaan aset telah dengan tidak sengaja dihapuskan. Kos buruh langsung yang tidak dapat dikesan kepada sumber dokumen berjumlah RM10,000.

(b) Pada 2 April 2000, syarikat telah menerima notis daripada pembekal utamanya bahawa bermula dari tarikh penerimaan notis, kesemua harga borongan butiran inventori besi wajanya akan meningkat sebanyak 10%. Dengan ini, Syarikat Senibina telah menilai semula inventori tersebut pada 31 Mac 2000 supaya inventorinya mencerminkan harga yang lebih tinggi. Peningkatan penilaian ini telah dinyatakan di nota kaki.

(c) Syarikat telah membelanjakan RM25,000 di dalam membangunkan sebuah peralatan baru yang akan dikeluarkan pada tahun hadapan yang dijangkakan boleh digunakan selama 10 tahun. Perbelanjaan ini telah didebitkan sepenuhnya di dalam Penyata Pendapatan.

(d) Maklumat kewangan relevan yang lain adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Keuntungan sebelum cukai | RM100,000 |
| Tambahan kepada aset jangka panjang | 133,000 |
| Aset yang dibina oleh syarikat | 34,000 |
| Aset jangka panjang pada nilai buku | 666,667 |
| Inventori akhir : besi waja [Nota 1] | 80,000 |

Nota 1:
Nilai inventori akhir telah mengambil kira peningkatan harga pemborongan besi waja sebanyak 10%.

Dikehendaki:

i) Senaraikan jenis laporan bersyarat yang boleh dikeluarkan oleh juruaudit dan nyatakan keadaan yang membolehkan setiap jenis laporan bersyarat dikeluarkan seperti di gariskan di ISA 700.

[ 7 markah ]

ii) Nyatakan sama ada pada pendapat anda laporan bersyarat patut dikeluarkan bagi setiap keadaan di atas.

[ 7 markah ]

iii) Dengan andaian bahawa laporan bersyarat diperlukan berhubung pengendalian inventori, sediakan perenggan di laporan audit yang:

- menerangkan sebab laporan bersyarat diperlukan dan
- menerangkan pendapat audit yang dikeluarkan.

(Anda tidak perlu menyediakan keseluruhan laporan audit)

[ 6 markah ]

Soalan 4 (14 markah)

Pemeriksaan bukti adalah satu proses audit yang penting. ISA 500, "Audit Evidence", menyatakan bahawa juruaudit hendaklah mengumpul bukti audit yang mencukupi dan relevan untuk ia menjadikan asas kepada pendapat audit yang bakal dikeluarkannya. Bukti boleh didapati dari sumber di bawah kawalannya sendiri, daripada pihak pengurusan dan daripada pihak ketiga. Kualiti bukti audit daripada setiap sumber ini adalah berlainan.

Dikehendaki:

i) Bincangkan kualiti setiap jenis bukti audit berikut dengan memberikan dua contoh bagi setiap satu:

1. Bukti daripada juruaudit itu sendiri
2. Bukti daripada pihak ketiga
3. Bukti daripada pihak pengurusan

[ 9 markah ]

ii) Gariskan perkara penting yang perlu diambil kira oleh juruaudit di dalam menilai bukti audit.

[ 5 markah ]

Soalan 5 (12 markah)

Tuliskan nota ringkas berhubung dengan perkara-perkara berikut:
a) ujian substantif urusniaga
b) tatacara analitikal
c) risiko pengesanan
d) membauc

- oooOooo -